

Praktis PT3 Bahagian A

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

- _____ Hawa dalam subjek Matematik tidak dapat ditandingi oleh murid-murid yang lain.
A Kecergasan C Kelancaran
B Kecerdasan D Kepantasan
- Pengetua memberikan _____ kepada murid-murid supaya aktif dalam bidang sukan kerana banyak faedahnya.
A bantuan C dorongan
B desakan D tekanan
- Nenek kelihatan lesu dan wajahnya _____ kerana baru sembuh daripada demam.
A pucat C pudar
B suram D lemah
- Puan Mahani _____ apabila mendapat berita tentang kemalangan yang menimpa suaminya.
A gugur C jatuh
B rebah D tumbang
- Para peserta yang memenangi pingat semasa Sukan SEA itu _____ kerana kepulangan mereka ke tanah air mendapat sambutan yang hangat.
A terkilan C terpegun
B terasa D terharu

Soalan 6 berdasarkan gambar di bawah ini.



- Aleeya dan Maisara mengikuti ekspedisi _____ hutan belantara anjuran sekolah mereka.
A meredah
B meneroka
C memintas
D merempuh
- Kakak Salina _____ air untuk membuat air kopi yang diminta oleh ayah.
A mengukus
B merebus
C menanak
D menjerang
- Dalam ekspedisi berbasikal itu, kami terpaksa _____ pelbagai cabaran.
A mengikuti
B mengharungi
C menjalani
D mendalami

Praktis PT3 Bahagian B

Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan tersebut dan **tulis jawapan** yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

1. Para pengunjung di pusat seni itu sedang meneliti cara orang buta itu memilin bakul rotan.

2. Penduduk kampung berduyun-duyun ke tepi pantai untuk melihat seekor ikan paus terhampar sejak pagi tadi.

3. Amirul muncul ke pentas untuk menerima hadiah daripada pengetua.

4. Wajah Alesia redup selepas tewas dalam pertandingan akhir bola jaring peringkat sekolah.

5. Buah nangka yang sudah matang itu dipetik oleh ayah untuk diperam.

6. Budak-budak itu lari berhamburan setelah disergah oleh Pak Cik Tan.
